PanGlobal Insurance Sdn Bhd lwn Hassan bin Mohamed Nor dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN NO D5–22–810 TAHUN 1995
RAMLY ALI H
16 SEPTEMBER 2004

Undang-Undang Keterangan — Keterangan pakar — Tandatangan — Sama ada tandatangan pada perjanjian balas tanggung rugi adalah oleh defendan kelima

Undang-Undang Keterangan — Saksi — Kebolehpercayaan — Sama ada boleh dipercayai

Tuntutan plaintif terhadap defendan kelima adalah berdasarkan kepada Perjanjian Balas Tanggung Rugi (counter indemnity). Melalui satu kontrak, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah memberikan satu projek kepada Teras Jenang Sdn Bhd. Defendan ketiga merupakan seorang Pengarah Urusan syarikat tersebut telah mewakili syarikat tersebut dan menandatangani kontrak berkenaan. Untuk tujuan tersebut plaintif telah memberi UKM satu gerenti insurans (Insurance Guarantee against Advance Payment) dan satu gerenti perlaksanaan. Sebagai balasan kepada plaintif memberi gerenti-gerenti tersebut kepada UKM, defendan-defendan pertama, kedua, ketiga dan keempat telah, melalui satu Perjanjian Tanggung Rugi bersetuju menanggung rugi plaintif atas segala tuntutan, tindakan, prosiding, kerugian, liabiliti, kos dan apa-apa perbelanjaan yang dibayar oleh plaintif di bawah gerenti-gerenti tersebut. Juga sebagai balasan kepada plaintif memberi gerenti-gerenti tersebut kepada UKM, defendan kelima telah bersetuju melalui satu Perjanjian Balas Tanggung Rugi (counter indemnity) untuk menanggung rugi plaintif atas segala tuntutan, prosiding, kerugian, liabiliti, kos dan apa-apa perbelanjaan yang kena dibayar oleh plaintif di bawah gerenti tersebut.

Perbicaraan ini adalah berkaitan tuntutan plaintif terhadap defendan kelima sahaja. Defendan kelima di dalam pembelaannya mempertikaikan tuntutan terhadapnya dan mengatakan bahawa tandatangan di dalam Perjanjian Balas Tanggung Rugi berkenaan bukan merupakan tandatangan beliau. Isu utama yang perlu diputuskan ialah sama ada perjanjian berkenaan sebenarnya telah ditandatangani oleh defendan kelima.

Diputuskan, membenarkan tuntutan plaintif dengan kos:

(1) Untuk menyokong tuntutan plaintif bahawa perjanjian berkenaan ditandatangani oleh defendan kelima, seorang saksi bebas, ie seorang peguam (SP2) telah dipanggil untuk memberi keterangan. SP2 mengesahkan bahawa perjanjian-perjanjian berkenaan telah sebenarnya ditandatangani oleh defendan kelima di hadapan beliau di pejabat firmanya di Seremban (lihat perenggan 7).

(2) SP2 adalah merupakan seorang peguam yang telah beramal lebih 30 tahun di Seremban. Mahkamah berpuas hati bahawa SP2 bukan merupakan seorang saksi yang berkepentingan di dalam kes ini. Mahkamah juga berpuas hati bahawa SP2 merupakan seorang saksi bebas dan tiada sebab untuk berbohong (lihat perenggan 8).

(3) Keterangan saksi pakar yang dipanggil oleh defendan kelima adalah terlalu lemah dan tidak bernilai untuk membantu defendan kelima dan keterangan SP2 yang lebih meyakinkan mahkamah adalah lebih diterima untuk membuktikan bahawa sebenarnya defendan kelima yang menandatangani perjanjian berkenaan (lihat perenggan 19).

[**English summary**

The plaintiff's claim against the fifth defendant was based on a Counter Indemnity Agreement. Via a contract, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) had given a project to Teras Jenang Sdn Bhd. The third defendant was the Managing Director of the said company and represented the said company and had signed the said contract. For that purpose, the plaintiff had given UKM an Insurance Guarantee Against Advance Payment and a Performance Guarantee. In return for the guarantees given by the plaintiff to UKM, the first, second, third and fourth defendant had, through an Indemnity Agreement agreed to indemnify the plaintiff against any losess for all claims, actions, proceedings, liability, losses, costs and all expenses incurred by the plaintiff under the said guarantees. Also in return for the guarantees given by the plaintiff to UKM, the fifth defendant had agreed via a Conter Indemnity Agreement to bear any losess due to the plainitff for all claims, suits, proceedings, losess, liabilities, costs dan all expenses incurred by the plaintiff under the said guarantee.

This trial concerned the plaintiff's claims against the fifth defendant only. Thefifth defendant in his defence contended that the signature in the Counter Indemnity Agreemeet was not his. The core issue to be decided was whether the agreement was signed by the fifth defendant.

Held, allowing the plaintiff's claim with costs:

(1) In order to support the plaintiff's claims that the said agreement was signed by the fifth defendant, an independant witness, ie a solicitor (SP2) was called to give evidence. SP2 validated that the said agreements were signed by the fifth defendant in front of him at his firm in Seremban (see para 7).

(2) SP2 was a pratising advocate and solicitor for more than 30 years in Seremban. The court was satisfied that SP2 was not an interested witness in this case. The court was also satisfied that SP2 was an independent witness and had no reason to lie (see para 8).

(3) The evidence of the expert witness called by the fifth defendant was too weak and gave no value to aid the fifth defendant. The evidence of SP2 which was to the satisfaction of the court was more accceptable to prove that the fifth defendant had indeed signed the said agreement (see para 19).]

Nota

Untuk kes-kes mengenai keterangan pakar, lihat 7 *Mallal's Digest* (2001 Reissue) perenggan 1273–1374.
Untuk kes-kes mengenai kebolehpercayaan saksi, lihat 7 *Mallal's Digest* (2001 Reissue) perenggan 2412–2426.

Kes-kes yang dirujuk

Fakhruddin v The State of Madhya Pradesh AIR 1967 SC 1326 (dirujuk)
Hock Hua Bank Bhd v Choo Meng Chiong & Anor [1999] 5 MLJ 312 (dirujuk)
Kumeswara v Suryaprakasa AIR 1962 AP 178 (dirujuk)
Lee Ing Chin @ Lee Teck Seng & Ors v Gan Yeok Chin & Anor [2003] 2 MLJ 97 (dirujuk)
Lim Wah Siang v Perwira Affin Bank Bhd [1997] 1 MLJ 374 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Kontrak 1950

J Geeta (M Ratnavathy bersamanya) (Mathew Thomas & Co) bagi pihak plaintif.
Lee Kok Heng (Anthony Ng, Lee Kok Heng & Co) bagi pihak defendan.

Ramly Ali H:

FAKTA KES

[1] Tuntutan plaintif terhadap defendan kelima adalah berdasarkan kepada Perjanjian Balas Tanggung Rugi ('counter indemnity') yang bertarikh 1 Oktober 1991. Melalui satu kontrak bertarikh 26 September 1992 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah memberikan satu projek 'Cadangan Pembangunan Fasa 1 Pusat Bahasa dan Fakulti Pendidikan UKM' kepada Teras Jenang Sdn Bhd. Defendan ketiga, iaitu Othman Hassan yang merupakan seorang Pengarah Urusan syarikat tersebut telah mewakili syarikat tersebut dan menandatangani kontrak berkenaan. Untuk tujuan tersebut plaintif telah memberi UKM satu gerenti insurans 'Insurance Guarantee Against Advance Payment' bertarikh 1Oktober 1991 untuk jumlah RM1,449,177.36 dan satu gerenti perlaksanaan bertarikh 1 Oktober 1991 untuk jumlah RM634.309.12.

[2] Sebagai balasan kepada plaintif memberi gerenti-gerenti tersebut kepada UKM, defendan pertama, kedua, ketiga dan keempat telah, melalui satu Perjanjian Tanggung Rugi bertarikh 1 Oktober 1991 bersetuju menanggung

rugi plaintif atas segala tuntutan, tindakan, presiding, kerugian liabiliti, kos dan apa-apa perbelanjaan yang dibayar oleh plaintif di bawah gerenti-gerenti tersebut. Juga sebagai balasan kepada plaintif memberi gerenti-gerenti tersebut kepada UKM defendan kelima telah bersetuju melalui satu Perjanjian Balas Tanggung Rugi ('counter indemnity') bertarikh 1 Oktober 1991 untuk menanggung rugi plaintif atas segala tuntutan, suit, presiding, kerugian, liabiliti, kos dan apa-apa perbelanjaan yang kena dibayar oleh plaintif di bawah gerenti tersebut. Mengikut klausa (ii) kedua-dua Perjanjian Tanggung Rugi dan Perjanjian Balas Tanggung Rugi tersebut, plaintif boleh atas budi bicara mutlak (absolute discretion) berkompromi semua tuntutan, bayaran, tindakan, suit presiding, kerugian dan apa-apa liabiliti yang dibuat terhadap plaintif di bawah gerenti-gerenti berkenaan.

[3] Pada atau lebih kurang 18 Mei 1995, UKM telah membuat tuntutan terhadap plaintif untuk jumlah RM850.665.84 serta kos dan faedah di bawah Gerenti Perlaksanaan. Plaintif telah pun, pada 14 November 1995, menjelaskan tuntutan UKM itu di bawah gerenti berkenaan untuk jumlah RM884.350.42 (termasuk faedah) dan bersetuju untuk menjelaskan kos selepas ditaksir. Oleh itu plaintif menuntut jumlah RM884,350.42 daripada defendan pertama hingga keempat di bawah Perjanjian Tanggung Rugi dan terhadap defendan kelima di bawah Perjanjian Balas Tanggung Rugi, termasuk faedah dan kos.

[4] Perbicaraan ini adalah berkaitan tuntutan plaintif terhadap defendan kelima sahaja.

[5] Defendan kelima di dalam pembelaannya mempertikaikan tuntutan terhadapnya dan mengatakan bahawa tandatangan di dalam Perjanjian Balas Tanggung Rugi berkenaan bukan merupakan tandatangan beliau. Menurut defendan kelima, beliau tidak pernah menandatangani apa-apa dokumen yang dikatakan sebagai Perjanjian Balas Tanggung Rugi bertarikh 1 Oktober 1991. Defendan kelima memplidkan doktrin '*non-est factum*'.

[6] Isu utama yang perlu diputuskan ialah sama ada perjanjian-perjanjian berkenaan (P1 dan P2) sebenarnya telah ditandatangani oleh defendan kelima. Sekiranya perjanjian-perjanjian tersebut (yang menjadi asas kepada tuntutan plaintif terhadap defendan kelima) sebenarnya ditandatangani oleh defendan kelima maka doktrin '*non-est factum*' tidak akan terpakai dan pembelaan defendan kelima akan gagal.

[7] Untuk menyokong tuntutan plaintif bahawa perjanjian-perjanjian berkenaan (P1 dan P2) ditandatangani oleh defendan kelima, seorang saksi bebas ie seorang peguam Pn Nirmala ('SP2') telah dipanggil untuk memberi keterangan. SP2 mengesahkan bahawa perjanjian-perjanjian berkenaan telah sebenarnya ditandatangani oleh defendan kelima di hadapan beliau di pejabat firmanya diSeremban. Di dalam keterangannya SP2 menyatakan:

> I witnessed the signatures in my capacity as a lawyer and that's why I affixed my advocate and solicitor stamp on both the counter indemnity.

[8] SP2 adalah merupakan seorang peguam yang telah beramal lebih 30tahun di Seremban. Demeanour SP2 sepanjang memberi keterangan dimahkamah meyakinkan mahkamah bahawa beliau bercakap benar. Adalah tidak dinafikan bahawa SP2 tidak dikenali oleh plaintif. SP2 bukan peguam cara plaintif dan plaintif tidak pernah mengarahkan defendan kelima (dan defendan-defendan yang lain) untuk menandatangani dokumen-dokumen berkenaan dihadapan SP2. Mahkamah berpuas hati bahawa SP2 bukan merupakan seorang saksi yang berkepentingan di dalam kes ini. Mahkamah juga berpuas hati bahawa SP2 merupakan seorang saksi bebas dan tiada sebab untuk berbohong. Beliau mengatakan defendan kelima menandatangani perjanjian-perjanjian berkenaan di hadapannya.

[9] Dokumentasi untuk penyediaan perjanjian-perjanjian berkenaan juga yang melibatkan defendan kelima telah diperoleh oleh plaintif. Dokumen-dokumen seperti 'financial statements', 'letter of authorisation', 'income tax returns', dan Borang J ('income tax') dan Borang 11A Surat Hakmilik Tanah milikan defendan kelima, kepunyaan defendan kelima semuanya telah diperoleh oleh plaintif untuk tujuan penyediaan perjanjian-perjanjian berkaitan gerenti berkenaan. Semua dokumen-dokumen tersebut telah dikemukakan oleh saksi plaintif (SP3) di mahkamah, berdasarkan rekod-rekod yang ada dalam, simpanan plaintif. Keterangan ini menguatkan lagi dakwaan plaintif bahawa defendan kelima sebenarnya telah berurusan dengan plaintif untuk tujuan gerenti berkenaan serta memberikan plaintif dokumen-dokumen berkenaan dan seterusnya telah menandatangani perjanjian-perjanjian berkenaan (P1 dan P2).

[10] Defendan kelima telah memanggil seorang saksi pakar ('SD6') untuk membuktikan bahawa tandatangan di dalam perjanjian-perjanjian berkenaan (P1 dan P2) bukan merupakan tandatangannya. Untuk tujuan itu, contoh-contoh tandatangan defendan kelima seperti di dalam eks D5 A–K dan D6 telah dianalisis oleh saksi pakar ('SD6') tersebut. Secara umum, SD6 memutuskan bahawa tandatangan defendan kelima (berdasarkan contoh-contoh tandatangan yang diberikan) adalah merupakan satu bentuk tandatangan yang hampir serupa. SD6 menyatakan bahawa berdasarkan contoh-contoh tersebut, semua tandatangan defendan kelima adalah mempunyai satu corak atau satu bentuk. Ini agak berbeza dengan apa yang dikatakan sendiri oleh defendan kelima di dalam keterangannya semasa soal balas di mana beliau mengatakan 'tandatangan saya banyak corak'.

[11] Berdasarkan contoh-contoh tandatangan defendan kelima (eks D5 A–K dan D6) SD6 telah menjalankan analisis dengan menggunakan kaedah perbandingan dengan mengambil kira ciri-ciri tulisan dengan bantuan alat optik forensik seperti video 'spectra con polylight polivier' serta 'magnifying glass'. Menurut SD6, video spectra comparitor adalah hanya satu 'enhancement system' untuk melihat tandatangan tentang 'sequence of strokes' bagaimana sesuatu tandatangan ditandatangani. Berdasarkan analisis tersebut SD6 memutuskan bahawa defendan kelima mempunyai satu corak tandatangan sahaja, walaupun terdapat struktur tandatangan dan 'sequence of stroke' berbeza.

[12] Contoh-contoh tandatangan (D5 A–K dan D6) dan perjanjian-perjanjian berkenaan (P1 dan P2) telah dihantar kepada SD6. SD6 hanya buat perbandingan antara contoh-contoh tandatangan (D5 A–K dan D6) dengan tandatangan di dalam perjanjian-perjanjian (P1 dan P2). SD6 tidak membuat analisis atau perbandingan antara contoh-contoh tandatangan di dalam D5 A–K dengan contoh tandatangan di dalam D6. Mengikut SD6 untuk tujuan tersebut 'saya perlu buat di lab kerana ini contoh dengan contoh. Saya hanya buat antara questioned dokumen dengan contoh'.

[13] Pada mahkamah, kegagalan SD6 membuat analisis antara contoh-contoh tandatangan di dalam D5 A–K dengan D6 menjadikan 'finding' beliau tidak lengkap dan cacat. Tanpa berbuat demikian, adalah kurang memuaskan sekiranya SD6 memutuskan bahawa defendan kelima hanya mempunyai 'satu corak tandatangan' sahaja. Ini agak bertentangan dengan apa yang dikatakan di mahkamah semasa disoal balas, bahawa 'sequence and strokes' bagi contoh-contoh tandatangan di dalam D5 A–K dengan DG adalah berbeza.

[14] Semasa memberi keterangan di mahkamah, SD6 juga telah dirujuk kepada beberapa dokumen di dalam ikatan dokumen defendan kelima (bertarikh 13 Jun 2003) yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak ('agreed and admitted') di mana terdapat beberapa dokumen yang ditandatangani oleh defendan kelima sendiri. Berkaitan itu, SD6 mengesahkan bahawa corak dan bentuk tandatangan tersebut (dalam ikatan dokumen defendan kelima) tidak sama dengan mana-mana corak tandatangan defendan kelima yang telah di analisis di dalam D5 A–K dan D6. Fakta ini dan juga keterangan defendan kelima sendiri yang mengatakan beliau mempunyai banyak corak tandatangan membuatkan keterangan saksi pakar SD6 amat mencurigakan dan rendah nilainya. Ini lebih ketara lagi bila D6 sendiri di dalam keterangannya semasa disoal balas mengesahkan bahawa beliau bersetuju seseorang itu bebas dan boleh menukar tandatangannya. Beliau juga bersetuju bahawa seseorang yang menandatangani cantoh tandatangan ('D6') mungkin boleh menandatangani kedua-dua perjanjian (P1 dan P2) berkenaan. SD6 mengatakan analisisnya ke atas contoh-contoh tandatangan defendaan 5 di dalam D5 A–K dan D6 adalah berdasarkan cara 'sequence of stroke'. Tetapi SD6 di dalam keterangannya semasa disoal balas juga mengakui bahawa 'sequence of stroke' bagi contoh-contoh tandatangan di dalam D5 A-K dan D6 adalah berbeza.

[15] Fungsi seseorang saksi pakar adalah untuk membantu mahkamah memutuskan sesuatu isu yang berkenaan, ie di dalam kes ini sama ada tandatangan di dalam kedua-dua perjanjian (P1 dan P2) berkenaan merupakan tandatangan defendan kelima. Mahkamah perlu berpuas hati tentang kesahihan keterangan saksi pakar tersebut. Mahkamah tidak semestinya menerima apa sahaja yang dikatakan oleh seseorang saksi pakar tanpa meneliti kesahihan dan nilai keterangan yang diberikan. Sekiranya keterangan tersebut bercanggah dengan keterangan-keterangan lain (yang lebih meyakinkan) maka mahkamah tidak patut menerima keterangan pakar tersebut. Dalam keadaan sedemikian mahkamah boleh membuat

perbandingan dan analisisnya sendiri ke atas tandatangan-tandatangan yang terlibat dan membuat keputusannya sendiri. Ini adalah selaras dengan Sarkar's *Law of Evidence* (ms 917) yang menyatakan:

> Court has power to compare the signatures and come to its own finding irrespective of a report of an expert.

[16] Di dalam kes *Fakhruddin v The State of Madhya Pradesh* AIR 1967 SC 1326 telah diputuskan seperti berikut:

> When an expert's opinion is given, the court must see for itself and with the assistance of the expert come to its own conclusion whether it can safely be held that the two writings are by the same person. This is not to say that the court must play the role of an expert but to say that the court may accept the fact proved only when it has satisfied itself on its observation that it is safe to accept the opinion whether of the expert or other witness.

[17] Di dalam menilai keterangan pakar (SD6) di dalam kes ini, mahkamah berpandukan kepada prinsip-prinsip berikut:

(i) *Sarkar's Law of Evidence* — ms 915

> Value of Expert Opinion On Handwriting - Expert opinion must always be received with great caution, but perhaps non so with more caution that the opinions of handwriting experts, TTiesp gentlemen stand in an impregnable fortress of their own and invariably give emphatic opinions. They talk in terms ofpseudo science and try to create an impression by talking glibly of pen-pressure, pen-hold, pen-scope, pen-pause, pen-presentation, pen-lift, hand-movement, irregular movement, angle of pen, retouchings, joinings, change of pivot, under-stroke, cross-bar, (oops of many kinds, embellishments, terminals and numerous other things not easily intelligible to laymen. Almost all of them have a favourite theory of their own which they tend to apply with a firm conviction. They are a type of remunerated witnesses and like others of that class have an unconscious bias in favour of the partly engaging them.'

(ii) *Sarkar's Law of Evidence* — ms 920

> In evaluating the evidence of a handwriting expert on the question of the genuineness of the alleged signature, the following facts must be kept in view: (1) very few people sign in the sarge manner on all occasions; (2) expert opinion on the genuineness of a signature should be received with great caution especially in a case where there is positive evidence of persons who saw the person sign; (3) all the tests evolved by the experts in the matter of comprasion of handwriting and signature are merely tentative in character, and (4) opinion evidence is weak evidence (*Onnamalai Ammal v Silhapathi*). The expert is not acting as judge or jury.

[18] Di dalam kes ini, keterangan saksi pakar ('SD6') adalah lemah dan terdapat banyak 'uncertainty' dan percanggahan dengan keterangan defendan kelima sendiri (yang memanggilnya) dan juga saksi plaintif (SP2) yang meyaksikan defendan kelima menandatangani kedua-dua perjanjian (P1 dan P2) berkenaan di hadapannya. Mahkamah lebih menerima keterangan saksi plaintif (SP2) di dalam perkara ini. Ini adalah berlandaskan kepada keputusan di dalam kes *Lee Ing Chin @ Lee Teck Seng & Ors v Gan Yeok Chin & Anor* [2003] 2 MLJ 97 seperti berikut:

> It is a well established general guide to the judicial appreciation of handwriting evidence that where there is a sharp conflict between the direct testimony of a disinterested witness on the one side and that of a handwriting expert on the other as to the genuineness of the execution of a document, then it is a safe course for a court to prefer the direct evidence.

(Juga lihat kes: *Kumeswara v Suryaprakasa* AIR 1962 AP 178 di ms 917 Sarkar's *Law of Evidence*)

[19] Defendan kelima, menghujahkan bahawa plaintif sepatutnya memanggil saksi pakarnya sendiri untuk mengesahkan bahawa tandatangan di dalam perjanjian-perjanjian (P1 dan P2) berkenaan adalah merupakan tandatangan defendan kelima. Berdasarkan prinsip undang-undang yang diterangkan diatas, mahkamah berpendapat bahawa plaintif tidak perlu berbuat demikian. Ini adalah kerana keterangan saksi pakar (SP6) yang dipanggil oleh defendan kelima adalah terlalu lemah dan tidak bernilai untuk membantu defendan kelima dan keterangan saksi plaintif (SP2) yang lebih meyakinkan mahkamah adalah lebih diterima untuk membuktikan bahawa sebenarnya defendan kelima yang menandatangani perjanjian-perjanjian (P1 dan P2) berkenaan dihadapannya di firma guaman beliau di Seremban. Ini adalah selaras dengan keputusan Mahkamah Rayuan di dalam kes *Lee Ing Chin @ Lee Teck Seng* yang menyatakan:

> The judge fell into serious error in holding that 'a good way of countering the evidence from these expert witnesses was to bring another expert witness who was able to give an opposing opinion', which showed that the judge was only prepared to displace in his judicial mind the evidence of one set of experts with another. This was an over-simplistic approach to the evaluation of the totality of the evidence.

[20] Atas alasan-alasan di atas mahkamah berpuas hati dan memutuskan bahawa perjanjian-perjanjian (P1 dan P2) berkenaan adalah sebenarnya ditandatangani oleh defendan kelima. Oleh itu pembelaan defendan kelima dalam isu ini tidak dapat diterima.

[21] Sebagai pembelaan alternatif, defendan kelima mendakwa bahawa perjanjian-perjanjian (P1 dan P2) tersebut tidak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan kerana telah ditandatangani sama oleh orang yang bankrap. Mahkamah berpendapat dan memutuskan bahawa dakwaan ini tidak bermerit dan tidak dapat membantu defendan kelima di dalam pembelaan beliau. Tidak ada

mana-man peruntukan di dalam Akta Kontrak 1950 yang menghalang seseorang bankrap daripada menandatangam sesuatu kontrak atau perjanjian.

Lihat kes-kes:

(i) *Hock Hua Bank Bhd v Choo Meng Chiong & Anor* [1999] 5 MLJ 312; dan

(ii) *Lim Wah Siang v Perwira Affin Bank Bhd* [1997] 1 MLJ 374.

[22] Defendan kelima juga mengemukakan pembelaan bahawa perjanjian-perjanjian (P1 dan P2) berkenaan adalah ditandatangani untuk menjamin dokumen yang bertajuk 'Securities Guarantee' dan bukannya 'Insurance Guarantee' atau Gerenti Perlaksanaan. Untuk meneliti perkara ini mahkamah perlu merujuk kepada senarai fakta-fakta yang dipersetujui (di lampiran A) seperti berikut:

Perenggan 3:

> Plaintif telah membekal kepada UKM satu 'Gerenti Insuran terhadap bayaran pendahuluan bertarikh 1 Oktober 1991 untuk jumlah RM1,449,177.36 (mulai sekarang Gerenti disebut sebagai 'Gerenti Bayaran pendahuluan tersebut').

Perenggan 4:

> Plaintif telah juga membekal kepada UKM satu Gerenti Perlaksanaan bertarikh 1 Oktober 1991 untuk jumlah RM634,309.12 (mulai sekarang Gerenti kini disebut sebagai Gerenti Perlaksanaan).

Perenggan 7:

> Pada atau lebih kurang pada 18 Mei 1995 UKM telah membuat tuntutan terhadap plaintif untuk jumlah RM850,665.84 bersamaan kos dan faedah di bawah gerenti Bayaran Pendahuluan dan jumlah RM634.309.12 di bawah gerenti perlaksanaan.

Perenggan 8:

> Plantif telah pun pada atau kira-kira 14 November 1995 menjelaskan tuntutan UKM di bawah gerenti bayaran pendahuluan dan gerenti perlaksanaan untuk jumlah RM884.350.42 yang termasuk faedah dan jumlah RM659.472 termasuk faedah dan akan, jelaskan kos selepas ditaksirkan atau dipersetujui.

Perenggan 9:

> Tuntutan plaintif terhadap defendan kelima adalah untuk jumlah yang telah dibayar seperti terkandung di dalam perenggan 12 di bawah Perjanjian Balas Tanggung Rugi yang kedua-duanya bertarikh 1 Oktober 1991.

[23] Mahkamah juga perlu merujuk kepada keterangan saksi plaintif (SP3) di dalam kenyataan saksi (soalan 9) di mana telah dinyatakan bahawa defendan kelima telah menandatangani dua 'counter indemnity' (P1 dan P2) untuk jumlah RM1,49,177.36 dan RM634.309.12 sebagai balasan (consideration) kepada plaintif memberi Insurance Guarantee dan Performance Guarantee kepada UKM bagi jumlah yang sama.

[24] Fakta ini tidak dipertikaikan oleh defendan kelima.

[25] Oleh itu mahkamah berpuas hati dan berpendapat bahawa dakwaan defendan kelima dalam isu ini juga tidak berasas. Fakta-fakta yang dipersetujui (Lampiran A) dan juga keterangan SP3 yang tidak dipertikaikan dan juga keterangan lain dalam kes ini, meyakinkan Mahkamah bahawa kedua-dua perjanjian-perjanjian (P1 dan P2) berkenaan adalah untuk menjamin kedua-dua gerenti berkenaan ie 'Insurance Guarantee' dan Gerenti Perlaksanaan.

PENUTUP

[26] Berdasarkan pertimbangan di atas dan di atas imbangan kebarangkalian mahkamah memutuskan bahawa tuntutan plaintif terhadap defendan kelima seperti di dalam penyata tuntutannya adalah dibenarkan dengan kos.

Tuntutan plaintif dibenarkan dengan kos.

Dilaporkan oleh Peter Ling